

# MENCAPAI KETINGGIAN DUNIA AKHIRAT

## PERANGAI BERGANTUNG KEPADA DIRI SENDIRI

### II

#### Kekurangan Kita Di dalamnya

Firman Tuhan di dalam Quran (*Thumma tuwaffa kullu nafs in ma kasabat*: Surah Al-Baqarah 281) ertinya “kemudian disempurnakanlah balasan yang telah dijanjikan bagi tiap-tiap diri masing-masing kerana apa-apa yang ia masing-masing itu telah usahakan (sendiri)”, dan lagi firman-Nya (*wawaffiyat kullu nafs in ma ‘amilat wahuwa a’lamu bima yaf’alun*: surah Az-Zumar 70) ertinya “dan tiap-tiap diri masing-masing telah disempurnakan janji balasannya kerana apa-apa yang ia (sendiri) telah kerjakan” dan pada tempat lain firman-Nya lagi (*walikulli daraja tun mimma a’milu*: surah Al-Ahqaf 19) ertinya “dan bagi sekaliannya tiap-tiap seorang adalah tingkat-tingkat balasan mengikut (tingkat-tingkat) apa yang mereka telah kerjakan (sendiri).”

#### OLEH ZA‘BA

Ayat-ayat seumpama ini banyak didapati di dalam Quran. Tetapi tiga yang telah diberi ini memadailah bagi menunjukkan bahawa tiap-tiap diri itu telah disempurnakan balasannya yang telah dijanjikan hanyalah kerana apa-apa yang mereka sendiri telah kerjakan bukan kerana apa yang orang lain telah kerjakan – sama ada yang dikerjakan oleh orang lain itu ditujukan untuk dia, yakni sebagai ganti daripada dirinya sendiri mengerjakannya, atau (bahkan apalagi jika) tidak ditujukan baginya demikian itu. Pendeknya menurut mafhum ayat-ayat ini tiap-tiap seorang adalah dihendakkan dirinya sendiri mengerjakan amalan-amalan yang baik, baharulah disempurnakan baginya balasan kejayaan. Demikian pula hendaklah dirinya sendiri jika mengerjakan amal-amal yang jahat, baharu ia dikenakan balasan siksa yang sepadan dengan kejahatannya itu. Maka tidaklah aci jika orang lain berbuat baik kerananya dan diri sendiri tidak mengerjakannya melainkan sebaliknya berbuat jahat pula – tidaklah aci yang demikian itu bagi memberi dia kelayakan menerima balasan baik itu. Begitu pula tidak terupa pada hukum keadilan jika orang lain berbuat jahat kerananya kemudian dia pula yang menerima balasan jahat itu kecuali jika ia betul-betul bersyubhat (bersubahat) di dalam pekerjaan itu.

Maka kedudukan yang demikian itu nyatalah bermakna bahawa tiap-tiap seorang mesti bergantung kepada dirinya sendiri pada segala perkara mengerjakan amal yang baik dan betul, dan mesti bergantung kepada dirinya sendiri juga pada segala perkara menjauhi amal-amal yang

jahat dan salah: tidak patut jika orang lain yang mengerjakan amal-amal kebajikan atau menjauhi amal-amal kejahatan, dan dia sendiri tidak berbuat demikian, kemudian dia yang dapat balasan baik daripada perbuatan itu. Demikian lagi tiada patut sekali-kali jika orang lain yang mengerjakan kejahatan dan dia sendiri tidak, kemudian dia pula yang dapat balasan seksa kerana perbuatan orang lain itu. Allah Taala hanya berjanji menyempurnakan balasan baik kepada barangsiapa yang mengerjakan baik: Begitu juga janji-Nya tentang balasan pada kerja-kerja yang kejahatan.

Dalam makalah yang pertama daripada risalah ini dahulu telah disebut peri Kekalahan dan kekecewaan yang terjadi pada orang-orang dan bangsa yang tidak bergantung kepada diri sendiri, atau tiada percaya akan kebolehan dirinya sendiri. Mereka sentiasa berkehendakkan pertolongan orang dan sentiasa tertadah-tadah kiranya ada orang mahu menolongnya. Atau kiranya kerajaan atau orang besar-besar mahu memberi bantuan. Misalnya pada perkara dunia jika hendak memasukkan anak kesekolah Inggeris maka sentiasalah mereka terharap-harap akan pertolongan kerajaan sahaja akan memberi ‘scholarship’ kepada anak itu. Jika tidak dapat ‘scholarship’ Tiadalah upaya mereka membelanjakannya, kerana mereka miskin dan tiada pandai berikhtiar mencari wang sendiri atau berjimat-jimat mengumpulkannya untuk membelanjakan sendiri anak-anak itu ke sekolah: Sebab itu, “tolonglah!” pada hal orang-orang bangsa lain walaupun mereka sendiri tiada berpelajaran tetapi dengan sehabis dayanya berkebusu, berjual kayu api, berjual air batu, mengayuh basikal kereta (trishaw), berjimat belanja, berceking makan minum, dapat mereka menghantar anak-anak

mereka kesekolah dengan belanja mereka sendiri dan dengan membayar tiap-tiap perkaranya walau di sekolah bangsa mereka sendiri pun, bukan “peri” seperti di sekolah kita Melayu. Yang demikian ialah terutamanya oleh sebab mereka bergantung kepada usaha dan ikhtiar mereka sendiri dan percaya kepada kebolehan diri mereka sendiri, dan malu meminta tolong

Demikian pula jika hendak berniaga, orang kita tiada bermodal dan tiada upaya mencari modal walau modal kecil-kecil pun dengan ikhtiar sendiri. Dan sentiasa mereka mengaku tiada upaya ini. Bahkan, jika ada modal pun mereka tiada upaya menjalankan perniagaan itu dengan jalan-jalan yang betul dan dengan cara yang teratur, sarat dengan amanah dan jimat cermat, sehingga mencapai kejayaan dan dipercayai orang. Pada hal orang-orang bangsa lain yang datang sebagai sengkak ke negeri ini dengan tiada mempunyai sebarang harta dan terkadang tiada mempunyai wang kadar sekeluping kudis jua. Dapat mereka berikhtiar mencari wang. Bahkan dilihat mereka negeri ini sememangnya negeri yang kaya dan semua perkara boleh jadi wang, sehingga sampah yang di tepi jalan itupun boleh jadi wang belaka; sebab itulah mereka berkumpul ramai ke sini. Kemudian setelah dapat wang maka dengan berjimat dan berdikit-dikit dikumpulkan mereka lalu mereka membuka kedai kecil-kecil – barangkali di kampung-kampung, di kebun-kebun getah atau di ulu-ulu, - yang akhirnya menjadi besar dan maju hingga dapat mereka berpindah berkedai di bandar-bandar pula, kesudahannya sehingga penuh segala bandar negeri-negeri Melayu ini oleh kedai dan perniagaan mereka sahaja; dan segala pasar pun kecil besar pada kebanyakan tempat, merekalah juga yang memegang dan memenuhinya! Sekalian itu ialah terutamanya oleh sebab mereka kuat berpegang kepada kebolehan diri sendiri.

Demikianlah sedikit daripada contoh yang menunjukkan kelemahan dan kekurangan kita daripada mereka itu dengan sebab mereka ada perangai percaya kepada kebolehan diri sendiri dan kuat bergantung kepada ikhtiar diri sendiri, dan kita tidak. Bahkan, di antara orang kita kerapkalinya jangankan hendak dapat berbuat seperti orang-orang bangsa lain itu, tetapi sehinggalah kemahuan dan keinginan hendak berbuat demikian pun tidak ada. Pada hal kata bidal Melayu “kalau hendak seribu daya, kalau tak hendak seribu dalih.” Dan kata bidal orang putih “barang di mana ada kemahuan di situ ada jalan.” Tetapi tentang kuat kemahuan ini pun satu lagi sifat perangai yang mulia yang kita masih banyak kekurangan.

Maka selagi kita tidak ubah sekalian ini diganti dengan perasaan dan pandangan hidup yang lebih baik, tidaklah akan diubah Allah hal kita, melainkan akan terbenamlah juga di dalam kubang yang ada ini selagi kita kekalkan sifat-sifat kekurangan yang ada pada diri kita sekarang. Kerana undang-undang Tuhan dalam perkara mengubah keadaan manusia, samada daripada tak baik kepada baik atau sebaliknya, adalah seperti yang telah difirmankan-Nya dalam ayat (*innallaha la yaghairuna biqauri hatta yaghairua maa bianfusihim*: surah Ar-Ra'd 12) ertinya “bahawa sesungguhnya Allah Taala tidak akan mengubah apa-apa keadaan yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka sendiri mengubah apa-apa keadaan yang ada pada diri mereka.” Perkara ini akan dibicarakan dalam suatu

makalah yang lain dibawah tajuk “Undang-undang Tuhan pada kemajuan dan kemunduran.”

Sedia maklum bahawa yang dikatakan “kaum” atau “bangsa” itu terjadi daripada diri-diri tunggal! Dan keadaanya hanyalah mengikut bagaimana sifat keadaan diri-diri tunggal yang menjadi anggotanya itu. Jika diri-diri tunggal itu naik dan maju maka kaum atau bangsa itu pun naik dan maju, dan jika diri-diri tunggal itu rendah dan ketinggalan nescaya kaum atau bangsa itu pun rendah dan ketinggalan, walaupun ada berpuluh-puluh orang raja bermahkota di dalamnya! Sebab itu mari kita kembali memeriksa kemajuan dan kejayaan diri-diri yang tunggal itu sekali lagi.

Kebaikan daripada orang yang besar-besar kejayaannya dan jasanya, dan besar-besar darjatnya dan namanya dalam dunia ini telah memperoleh kejayaan, dan kemuliaan dan kenamaan mereka itu ialah dengan jalan bergantung kepada diri mereka sendiri, dan dengan sebab kesungguhan mereka bekerja dan berusaha pada apa-apa yang mereka berbuat – bukannya sebab mereka anak orang kaya atau sebab mereka sendiri telah sedia kaya. Kerap kali terjadi seorang pekerja yang miskin tetapi tetap bergantung kepada dirinya sendiri telah dapat mengatasi daripada orang kaya-kaya yang tiada tiada terkenal kerana tiada berusaha sendirinya, hanya berharap kepada kayanya yang sedia itu sahaja iaitu barangkali pusaka daripada orang lain. Maka jadilah si miskin itu sebaik-baik suluh yang menerangi jalan dalam gelap. Dan segala orang yang hendak melumbai dia hendaklah panduan daripada suluhnya itu. Demikian juga segala orang yang datang dibelakangnya turun temurun dan zaman berzaman tiada berkesudahan.

Kaya itu bukanlah syarat yang tak boleh tidak bagi mencapai kejayaan, kebahagiaan dan kemuliaan. Bahkan kadang-kadang kaya itu jadi sebab yang membawa kepada ketinggalan dan kemunduran pula – menjadikan kecewa, tiada berjaya, dan jatuh terjerumus ke dalam gaung jahat, jahil dan bodoh. Kerana orang yang memiliki kekayaan itu barangkali bergantung kepada kekayaannya yang ada itu sahaja. Maka tiada ia berusaha berikhtiar mengirakan bagi masanya yang akan datang. Kemudian apabila telah habis kekayaannya itu dan harta-hartanya pun telah punah dan timpas, maka bertukarlah halnya menjadi buruk dan hina. Dan ia pun menjadi orang yang kecewa. Itulah balasan orang yang tidak bergantung kepada dirinya sendiri, hanya bergantung kepada kekayaan dan harta pusaka emak bapa sahaja.

Perangai kuat bergantung kepada diri sendiri ini boleh terbit dan terbangkit pada hati tiap-tiap seorang diri tunggal dengan jalan beberapa perkara. Satu daripadanya ialah seseorang itu mesti tahu dan memerhati dahulu akan contoh orang yang kuat bekerja, orang yang bersungguh-sungguh berusaha menggunakan sepenuh-penuh tenaga sendiri pada apa yang dibuatnya, orang yang berhempas pulas membuat segala kerjanya dengan bergantung kepada daya upayanya sendiri dan akal ikhtiarnya sendiri hingga beroleh kejayaan yang cemerlang dan menjadi contoh tauladan

kepada orang lain. Dengan lain-lain perkataan, ialah orang yang berbuat demikian itu dengan tiada perdulikan susah payah dan tiada menghiraukan rintangan, penentangan, halangan dan kemalangan – sehingga sampai mereka mencapai darjat yang tinggi dan nama yang wangi, dan melayakkan orang-orang hairan dengan gemar melihat kejayaannya itu.

Maka orang-orang berakal apabila telah melihat atau mengetahui contoh yang demikian itu bolehlah terbangkit hemahnya pula hendak berbuat seperti itu; kerana tiap-tiap manusia yang berfikiran waras memang kecenderungannya suka menurut jajak tauladan orang yang bersifat lebih dan jaya. Dan serta itu ia bergantung kepada dirinya sendiri juga sehingga ia sendiri jadi seperti mereka yang tauladannya itu dan dapat mencapai pula, atau sekurang-kurangnya menghampiri, kemuliaan yang telah dicapai oleh mereka itu.

Maka sebab itulah di dalam Quran berulang-ulang difirmankan Tuhan pada beberapa tempat perkataan yang bermakna seperti (*laqad kana lakum rasulullah hi uswatun hasanah lima kana yarju ullah walyaumil ahira wazkarullah ha kathira*: Al-Ahزاب ayat 21). Ertinya: “Tentu sekali pada rasul Allah itu ada suatu contoh tauladan yang baik bagi kamu- bagi setiap-tiap yang berharap akan Alah dan hari kemudian, dan yang baik ingat akan Allah.” Kerana kehendak agama Islam ialah supaya orang-orang yang memeluknya itu mengikut tauladan yang ditunjukkan oleh Rasulullah pada segala laku perangnya dan perjalan hidupnya yang mulia. Maka sungguhpun dalam ayat itu tadi hanya disebutkan khas tentang tauladan berkenaan dengan harapan-harapan terhadap Allah dan hari kemudian sahaja, tetapi tentang tauladan kehidupan di dunia ini pun tiada kurang juga ada pada rasul Allah itu: Di antaranya termasuklah juga perangai kuat bergantung kepada diri sendiri ini pada segala halnya dengan meletakkan harapannya hanya kepada Allah semata-mata tiada lainnya- iaitu suatu perangai yang amat nyata kelihatannya pada diri Rasulullah SAW itu. Maka kita disuruh menauladani akan dia pada segala apa perjalanannya yang mulia dan contohnya yang tinggi baik dunia atau akhirat.

Kata syair Arab:

*Fatash bahuu an lam takumu mihlahum\* Inmal tashbih bil karama fajah*

Ertinya: “Jikalau kamu tidak ada seperti orang mulia-mulia itu maka serupailah sahaja mereka itu oleh kamu, yakni tirulah atau lakukanlah dirimu serupa dengan mereka itu; bahwasanya meniru dan mencuba hendak jadi serupa dengan orang yang mulia-mulia itu ialah kemenangan dan kejayaan juga.”

Di sini suatu riwayat pendek dalam tawarikh Islam barangkali munasabah diberi tempatnya:

Pada suatu hari seorang budak bernama Amru Bin Said (matinya tahun hijrah 70) telah masuk menghadap Muawiyah, iaitu khalifah Bani

Umayyah yang pertama (yang telah naik khalifah pada tahun hijrah 40 setelah dirampasnya jawatan itu daripada Saidina Ali bin Abi Talib). Amru ini saudara sepupu kepada Khalifah Yazid Bin Muawiyah dari sebelah emaknya dan kemudian ia telah memegang jawatan jadi gabenor Madinah. Pada masa ia masuk menghadap Muawiyah yang diceritakan ini bapanya Said baharu mati dan Amru sendiri masih budak lagi. Setelah ia masuk:

Kata Muawiyah kepadanya: “Kepada siapa engkau telah mewasiatkan engkau, hai Amru?”

Jawab Amru: “Bapa saya telah berwasiat kepada saya, bukannya mewasiatkan saya kepada orang lain”.

Kata Muawiyah “Apa perkaranya yang telah diwasiatkan oleh bapa engkau kepada engkau itu?”

Jawab Amru: “Ia telah wasiatkan kepada saya suruh sampaikan janglah segala saudara-saudaranya merasa kehilangan akan dia lain daripada tubuh badannya sahaja.”

Maka kata Muawiyah: “Ibnu Said ini tentulah akan jadi sebaik-baik pengganti kepada ayahnya.”

Demikian hati yang berhema tinggi sentiasa bergantung kepada dirinya sendiri walaupun masa ia masih budak lagi.

Keanyakan budak-budak dari masa kecilnya pun lagi sudah ada nampak perasaan hendak bersendirian dan bergantung kepada kebolehan diri sendiri itu, jika ia sudah mulai tahu berjalan umpamanya, ia suka hendak berjalan sendiri sahaja, tidak ia suka didukung atau dipegang-pegang tangannya, kecuali apabila ia telah penat. Maka kecenderungannya demikian hendaklah digalakkan, supaya ia tumbuh bertambah kuat apabila budak itu besar kelak. Adapun jika tidak ada kelihatan kecenderungannya demikian itu, sayogialah ditanam dan dilatihkan pada budak-budak itu. Misalnya jika budak itu jatuh yang tiada parah, maka tak usahlah dibangunkan, diambil, digosok, dipujuk dan sebagainya: Biarkanlah hingga ia bangun sendiri dan diam daripada menangnya itu sendiri.

Walhasilnya kita sangat-sangatlah berhajat mesti menggalakkan perangai bergantung kepada diri sendiri ini. Mulai dilatihkan dari masa budak-budak pun lagi – mesti dibiasakan tahu membuat apa-apa sendiri, tahu berusaha sendiri, tahu berikhtiar sendiri, tahu berfikir sendiri, tahu menimbang sendiri. Tahu memutuskan apa-apa hal sendiri, bahkan bersendirian dan merdeka pada segala hal yang berhubung dengan diri sendiri. Maka jika pada orang yang sudah besar, yang tidak ada atau yang telah hilang daripadanya perangai bersendirian dan sifat kesendirian itu, kita wajib mengikhtikarkan dengan segala daya upaya supaya perangai itu hidup semula dan pulih kembali padanya; kerana faedahnya perangai itu amat besar bagi membantu kemajuan diri seseorang dan sesuatu bangsa yang terjadi daripada kumpulan tiap-tiap seorang itu.

(bersambung dengan bahagian III)